

Pelaburan baru Jepun akan ke Malaysia - PM

U.M. 15 MAY 1993

Daripada KHALID MOHD.

TOKYO 14 Mei — Pelaburan-pelaburan baru dari Jepun dijangka mengalir ke Malaysia tidak lama lagi memandangkan kemelesetan ekonomi yang menyelubungi negara ini sudah mula pulih, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, sebenarnya Malaysia tidak mengalami kesan buruk dari segi pelaburan Jepun sejak negara tersebut mengalami kelembapan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, apa juga kesan yang

dialami oleh Malaysia hanyalah kecil kerana kerajaan berupaya mengekalkan pertumbuhan sepanjang tempoh kemelesetan itu. [Lagi berita di muka 151.]

Bercakap kepada para wartawan Malaysia di sini pagi ini, beliau berkata: "Kita gembira kerana kemelesetan yang dialami oleh Jepun sudah sampai ke penghujungnya dan mereka kini sedang menuju ke arah pemulihan ekonomi.

"Oleh itu, kita menjangka pelaburan-pelaburan baru dari Jepun akan masuk ke Malaysia," ujar beliau.

Perdana Menteri yakin Jepun kini berada dalam kedudukan yang lebih baik ekoran pemulihan tersebut.

Dr. Mahathir berada di sini kerana menghadiri persidangan "Peranan Asia dalam Tata Dunia Yang Sedang Berubah" anjuran Persatuan Asia. Beliau juga mengambil kesempatan berada di sini untuk berbincang dengan Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa.

Antara lain, katanya, perbincangan dengan Miyazawa menyentuh ten-

■ Lihat muka 2

Pelaburan baru Jepun akan ke Malaysia — PM

U.M. 15 MAY 1993

perdagangan mudah Yen yang kini tidak layak lagi dipohon oleh Malaysia kerana tahap pembangunannya yang sudah meningkat.

Bagi mengatasi masalah ini, jelas Dr. Mahathir, Miyazawa mencadangkan supaya Malaysia memberi tumpuan kepada projek-projek tertentu yang boleh melayakkannya mendapat pinjaman mudah itu.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri menjelaskan kepada rakan sejawatannya bahawa projek infrastruktur di

Malaysia adalah juga bertujuan menyokong pelaburan asing.

Menurutnya, bagi setiap dollar pelaburan asing di Malaysia, kerajaan perlu menyediakan 10 sen bagi tujuan infrastruktur.

"Dan oleh kerana terdapat pelaburan Jepun di Malaysia, kita sebenarnya turut menyokong pelaburan-pelaburan Jepun," ujar beliau.

Diminta menghuraikan kenyataannya semalam tentang sikap negara-negara anggota Kumpulan Tujuh (G7) yang tidak mempedulikan nasib ne-

gara-negara bukan anggotanya, Perdana Menteri berkata:

"Itulah masalahnya. Mereka langsung tidak peduli bagaimana segala strategi dan dasar mereka membawa kesan kepada orang lain."

Beliau menambah, satu contoh ketara ialah langkah menilai semula Yen, Yang menurut mereka dapat mengurangkan lebih dagangan Jepun.

Apa yang berlaku ialah, Jepun mempertingkatkan kecekapannya supaya mereka tidak mengalami kenaikan kos yang terlalu

banyak dan dengan itu dapat terus bersaing.

Menurut Dr. Mahathir, beliau telah difahamkan bahawa Jepun sudahpun mula berkira-kira supaya kadar tukaran 100 yen menjadi satu dolar.

Beliau berkata, Jepun sudah tentulah akan membuat penyesuaian supaya daya saingnya tidak terjejas.

Bagaimanapun, tambah beliau, apa yang mereka lakukan ini bererti hutang negara membangun seperti Malaysia akan terus bertambah.